

GST bukan 'April Fool', kata Ahmad Maslan
The Malaysian Insider
March 31, 2015
Oleh Hasbullah Awang Chik

Pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) bermula 1 April ini bukanlah satu perbuatan "April Fool" sebaliknya ia satu sistem percukaian yang terbukti dapat menurunkan harga barang, kata Datuk Ahmad Maslan.

Timbalan menteri kewangan itu berkata, penyerapan 6% GST oleh pasar raya Mydin membuktikan segala ceramah mengenai sistem percukaian baharu itu terbukti benar.

"Saya nak beritahu, tidak ada April Fool. GST akan tetap dilaksanakan.

"Selama ini orang momok-momokkan ceramah saya ini, tetapi apabila pelaksana dan peniaga sebut begitu, itulah GST yang sebenarnya," katanya selepas melawat Pasaraya Besar Mydin di Subang Jaya pagi ini.

Ahmad mendakwa, kelompok parti politik pembangkang golongan yang paling runsing dengan pelaksanaan GST kerana mereka mahu harga barang dinaikkan.

Katanya, formula pelaksanaan GST membuktikan harga di pasaran akan mencatatkan penurunan sekiranya peniaga memberikan kerjasama.

"Hari ini saya ingin membuktikan teori GST yang saya ceramahkan selama setahun setengah ke merata Malaysia terbukti benar," katanya sambil menerangkan tiga teori GST yang dikatakannya boleh menurunkan harga barang.

Pertama, katanya ini kerana barangan di Malaysia pada ketika ini kebanyakannya dikenakan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang kadarnya antara 5% dan 10%.

"SST itu mulai 12.01 malam ini dihapuskan. Jadi barangan yang sebelum ini ada SST perlu ditolak dahulu sebelum dicampur GST. Penolakan SST menyebabkan harga barangan tidak naik atau kurang sedikit," katanya.

Teori kedua ialah Kredit Cukai Input di mana peniaga berdaftar GST boleh mendapatkan tuntutan cukai 6% terhadap input barangan yang dikeluarkan dan dijual. Melalui kaedah itu, kos barangan secara teorinya turun 6%.

Ketiga, kata Ahmad, Putrajaya bersetuju sebagai sebahagian prosedur operasi standard (SOP) GST memberikan pulangan kepada stok yang mempunyai SST pada 1 April.

"Ada kaedah untuk mereka menuntut balik dalam masa 6 bulan. Dengan lain perkataan, mereka tidak boleh meletakkan 5% tambah 6% kerana 5% SST itu mereka boleh menuntut balik dalam stok yang ada," katanya.

Ahmad berkata dengan kempen yang ditunjukkan Mydin hari ini, beliau boleh tidur

lena dan ia sekali gus membenarkan semua teori GST.

Katanya, pengguna perlu mencari peniaga yang beretika kerana akhirnya mereka inilah yang mendapat untung dan maju ke depan dalam peperangan harga.

"Siapa yang tidak meletakkan harga patut, pengguna akan menggunakan kuasa memilih, melapor dan memboikot kerana akhirnya 'raja' adalah pengguna bukan peniaga," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Mydin Datuk Ameer Ali Mydin berkata, kos GST yang akan diserap syarikat itu ialah sebanyak RM15 juta berdasarkan keuntungan bulannya yang dianggarkan RM300 juta.

Katanya, berdasarkan perbincangan, kira-kira 1,500 daripada 3,000 pembekal Mydin bersetuju turut menanggung kos GST yang dianggarkan sebanyak 2% daripada nilai RM15 juta berkenaan.

"Kita masih belum dapat menentukan secara tepat jumlah peratusan yang akan ditanggung tetapi ia di antara 2% hingga 4%.

"Kebanyakan pembekal yang bersetuju ialah pembekal tempatan kerana mereka memahami sentimen yang mempengaruhi jualan dan pasaran," katanya. – 31 Mac, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/gst-bukan-april-fool-kata-ahmad-maslan>